

## **Aplikasi Teknik Pembelajaran Pantas Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab**

HAIRUN NAJUWAH JAMALI<sup>1</sup>  
SITI NURHAJARIAH MD ISA<sup>2</sup>

### **ABSTRAK**

Bahasa Arab mempunyai kedudukan tinggi yang tidak pernah dicapai oleh bahasa lain di dunia, lantaran ia merupakan bahasa Al-Quran. Kebolehan menguasai bahasa ini akan memudahkan kita untuk menguasai dan memahami Al-Quran dengan lebih baik. Namun demikian, bahasa Arab juga dilihat sebagai bahasa yang susah untuk dikuasai terutamanya bagi mereka yang bukan merupakan penutur jati atau lebih dikenali sebagai bahasa asing. Kesusahan ini juga turut dirasakan oleh pelajar-pelajar yang sedang mengikuti subjek bahasa Arab di institusi pengajian tinggi. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji teknik pembelajaran pantas yang diaplikasikan oleh tenaga pengajar bagi subjek bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Seramai 114 orang sampel terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual sebagai kaedah kajian. Hasil dapatan kajian mendapati pensyarah di KUIS telah mengaplikasikan teknik pembelajaran pantas di dalam kelas. Namun demikian, penggunaan teknik ini masih terhad tidak digunakan secara meluas dan mendalam lagi.

Kata kunci: bahasa Arab, pembelajaran pantas, pensyarah.

### **ABSTRACT**

Arabic has a high position never achieved by any other language in the world, because it is the language of the Quran. Ability to master this language will allow us to capture and understand the Quran better. However, Arabic is also viewed as a difficult language to master, especially for those who are not native speakers, better known as a foreign language. Adversity is also felt by students who are currently enrolled in Arabic subject in higher education institutions. This study aims to study the Accelerated Learning (AL) technique applied by the lecturers for Arabic language subject in Selangor International Islamic University College (KUIS). A total of 114 students were involved in this study. This study used questionnaires and interviews as research methods. The findings revealed a lecturer at the college have applied the Accelerated Learning (AL) technique of rapid learning in the classroom. However, the use of this technique is still limited and not widely used yet profound.

Keywords: arabic language, accelerated learning, lecturers.

---

<sup>1</sup> Pensyarah, Jabatan Bahasa, Pusat Pengajian Teras, KUIS, hairunnajawah@kuis.edu.my

<sup>2</sup> Pensyarah, Jabatan Bahasa, Pusat Pengajian Teras, KUIS, nurhajariah@kuis.edu.my

## PENDAHULUAN

Bahasa Arab berkembang pada peringkat awal sebagai bahasa bagi agama Islam. Di Malaysia, bahasa Arab dikategorikan sebagai bahasa asing sebagaimana yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Pengajaran bahasa Arab juga berkembang melalui pelbagai dimensi yang berbeza. Menurut Rahimi, Zawawi & Wan Nordin (2005), isu pengajaran bahasa Arab dibincangkan secara berterusan oleh pakar-pakar pendidikan dalam pengkhususan ini. Cabaran yang dihadapi oleh mereka yang terbabit dengan perancangan untuk menarik minat pencinta bahasa Arab bukannya sedikit. Pelbagai usaha dijalankan untuk memastikan pengajaran bahasa ini berkesan dan mendatangkan manfaat semaksima yang mungkin.

Proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) bukanlah satu perkara yang bersifat statik atau jumud, namun ia adalah satu proses yang hidup dan sentiasa menerima perubahan dari masa ke semasa mengikut keperluan manusia. Oleh yang demikian, pendekatan yang diamalkan oleh para tenaga pengajar atau pensyarah sudah pasti berbeza mengikut mata pelajaran, objektif P&P, falsafah, kehendak dan tuntutan sesuatu institusi. Unit bahasa Arab juga wajar sentiasa peka dengan perkembangan zaman dan seterusnya menyusun serta mencari pendekatan terbaik dalam proses P&P bahasa Arab sejajar dengan keperluan semasa (Khairuzaman, Suhaila, Khazri, Ummu Hani & Nur Syazwina, 2012).

Walaupun pendidikan Bahasa Arab telah lama diperkenalkan di negara ini, namun pencapaian pelajar di peringkat sekolah mahupun di institut pengajian tinggi masih belum memuaskan. Para pelajar masih belum mampu menguasai kemahiran-kemahiran bahasa Arab dengan baik seperti kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis (Mohamad Azrien & Mohd Alwee, 2009). Menurut Naimah dan Aini (2005), walaupun pelajar-pelajar telah menerima pembelajaran secara formal pada peringkat sekolah, namun mereka masih lagi menghadapi masalah untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab yang dipelajari. Ab. Halim (2007) pula menyatakan bahawa penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar lepasan IPTA yang mengambil pengkhususan bahasa Arab tidak mencapai tahap kecekapan berbahasa yang baik.

Pelajar-pelajar juga dilihat terlalu bergantung dengan pensyarah ketika mempelajari dan menguasai bahasa ini terutamanya ketika sesi pembelajaran di dalam kelas. Kecekapan pensyarah dalam pengajaran bahasa adalah sama penting dengan kebolehan pensyarah bertutur dalam bahasa tersebut dengan tepat dan lancar. Ini kerana guru merupakan model penting dalam pembelajaran bahasa (Pintrich & Schunk, 1996). Oleh itu, pensyarah perlu menggunakan kaedah, teknik dan strategi pembelajaran yang lebih berkesan untuk membantu pelajar menguasai bahasa Arab. Salah satu daripada teknik yang boleh diaplikasikan oleh pensyarah ialah teknik pembelajaran pantas.

## KAJIAN LITERATUR

Mempelajari bahasa bukan perkara mudah, kajian yang mendalam dan teliti perlu dilakukan terlebih dahulu agar kurikulum dan silibus yang diperkenalkan mudah dan sesuai dengan kehendak pelajar. Bagi membantu pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran, para pendidik perlu menyediakan strategi pembelajaran kepada mereka (Mohamad Azrien & Mohd Alwee, 2009). Terdapat banyak teori dan teknik pengajaran telah diperkenalkan untuk

mempelajari bahasa Arab dengan berkesan. Salah satu teknik yang berkesan pernah diperkenalkan adalah *Accelerated Learning* (AL) atau pembelajaran pantas atau di dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-taallum al-sari*'.

Pembelajaran pantas adalah bersesuaian dengan semua peringkat umur pelajar yang menerapkan konsep guru sebagai pemudah cara (Mursyid) yang memantau aktiviti P&P berdasarkan konsep pembelajaran pantas. Manakala pelajar dirangsangkan kesemua pancaindera, minda dan jasad secara keseluruhan dalam aktiviti pembelajaran setiap peringkat. Pembelajaran pantas adalah berdasarkan kajian-kajian terhadap sukatan-sukatan pembelajaran yang telah diuji menggunakan kaedah tersebut. Kemudian ianya telah diuji ke atas sekumpulan pelajar yang mempunyai umur dan tahap penguasaan yang berbeza mengikut situasi yang berbeza.

Pembelajaran pantas merupakan idea Georgi Lozanov. Pada asalnya idea ini dikenali dengan nama *Suggestopedia*. Perkataan pembelajaran pantas merangkumi teknik pembelajaran dan pengajaran yang luas, ia termasuk penggunaan pelbagai teknik, cara dan kaedah untuk memahami subjek yang diajar. Antara kaedah yang diperkenalkan adalah peta minda, *Brain Gym*, pembelajaran melalui pergerakan, *concert texts*, pembacaan melalui muzik, penggunaan drama dan muzik untuk mengawal emosi dan fikiran pelajar. Secara umumnya pembelajaran pantas merupakan teknik pengajaran di mana pelajar melalui satu proses pengajaran yang pantas. Pembelajaran pantas telah diperbaiki dan dicernakan oleh ramai pengkaji. Salah seorang daripadanya ialah Alistair Smith.

Pembelajaran pantas adalah satu kaedah pembelajaran yang menumpukan kepada satu objektif yang jelas iaitu merealisasikan hasil pembelajaran. Setiap proses P&P yang berdasarkan pembelajaran pantas mestilah mencapai satu matlamat yang telah direncanakan dan semua pelajar daripada pelbagai peringkat dapat memperolehnya dalam masa yang singkat. Semasa menjalankan proses P&P guru bertindak meraikan tahap penguasaan pelajar terhadap topik yang dipelajari secara keseluruhan. Seterusnya mencari kaedah untuk menyeragamkan tahap penguasaan pelajar secara keseluruhan agar jurang penguasaan antara pelajar dapat dihapuskan.

Terdapat Lapan konsep utama dalam pembelajaran pantas iaitu:


1. Pembelajaran melalui tindakan (Menggerakkan keseluruhan pancaindera, minda dan jasad pelajar).
2. Kerjasama dalam kumpulan (Pembimbing rakan sebaya).
3. Menyelami pemikiran & tindak tanduk pelajar secara total (Meraikan kehendak dan kemahuan pelajar).
4. Kepelbagaian pembelajaran yang menepati ciri-ciri keperibadian pelajar (Aktiviti P&P berdasarkan tahap penguasaan pelajar).
5. Pembelajaran yang menyeronokkan (Menggunakan aktiviti berorientasikan warna, nasyid, permainan bahasa).
6. Pembelajaran yang meraikan peranan pelajar bukan sekadar menyedut maklumat bahkan menghasilkan kognitif yang boleh dipraktikkan.
7. Berdasarkan kepada kajian yang terkini dalam kaedah pembelajaran manusia secara berkesan (Kajian berkaitan fungsi dan aplikasi otak kanan dan kiri).
8. Pembelajaran yang mempunyai hasil yang jitu & mantap (Semua pelajar dapat menguasai objektif P&P pada setiap topik yang dipelajari).

Umumnya, Setiap proses P&P yang berteraskan pembelajaran pantas mestilah mengikut syarat-syarat berikut :

1. Persekitaran positif (Persekitaran di KUIS yang membantu pemerolehan bahasa pelajar secara semulajadi).
2. Penglibatan pelajar secara menyeluruh (Penglibatan pelajar dalam aktiviti P&P bahasa secara menyeluruh).
3. Pelajar membantu antara satu sama lain (Guru memantau aktiviti P&P pelajar dalam kelas melalui kaedah *right and error*, manakala pelajar sesama pelajar memperbetulkan antara satu sama lain) .
4. Mempelbagaikan gaya pembelajaran antara pembimbing dan pelajar.

### Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pantas

Menurut Dave Meier (2010), proses ini melalui 4 peringkat utama mengikut turutan:



Rajah 1.1: Proses pengajaran dan pembelajaran melalui teknik pembelajaran pantas (AL).

#### 1. Set Induksi

Mengaitkan topik pembelajaran dengan pengalaman sedia ada pelajar. Set induksi mestilah mempunyai ciri-ciri yang berikut:

- a) Merangsang tindak balas minda yang positif
- b) Menerangkan faedah-faedah yang bakal diperolehi pelajar
- c) Mempunyai hasil pembelajaran yang jelas dan bermakna
- d) Merangsang bakat pelajar

- e) Mencipta suasana positif
- f) Mencipta emosi positif
- g) Menghilangkan kesan negatif
- h) Membentuk rasa kekitaan yang positif
- i) Mewujudkan minat pelajar
- j) Menunjukkan hala tuju yang jelas
- k) Menghilangkan rasa takut
- l) Menarik perhatian dengan soalan
- m) Membentuk hubungan yang positif

Cadangan aktiviti:

Keluar dari kebiasaan, mencipta teka-teki, penggunaan slide power point, imaginasi dan permainan mencari perkataan baru

## 2. Interaksi

Tujuannya adalah membantu pelajar untuk menghadapi maklumat yang baru dengan cara yang menyeronokkan dan bersesuaian seterusnya merangsang minda, pancaindera dan jasad secara menyeluruh. Peringkat ini ialah pengenalan kepada topik pembelajaran dan menepati ciri-ciri yang berikut:

- a) Perkongsian maklumat baru dan lama antara pelajar dan guru
- b) Memantau fenomena-fenomena yang berlaku dalam alam nyata
- c) Aktiviti pembelajaran yang melibatkan penggunaan minda dan jasad secara menyeluruh
- d) Menggunakan BBM pembelajaran pantas yang menarik, kreatif dan berkesan
- e) Kepelbagaian dan memberi peluang dalam setiap ciri pembelajaran
- f) Aktiviti pembelajaran secara berpasangan & berpasukan
- g) Latihan-latihan yang berkaitan dengan penyelesaian masalah
- h) Berinteraksi dengan menggunakan lebih daripada 1 pancaindera
- i) Latihan yang mencungkil bakat individu & berkumupulan

Cadangan aktiviti:

Membuka rahsia, posmen, tetamu & tuan rumah, biodata diri, temubual wartawan dan sidang video.

## 3. Aplikasi

Tujuannya membantu pelajar dalam menggabungkan maklumat baru dengan maklumat yang lama secara bersepadu di dalam fikiran mereka.

- (a) Aktiviti yang memberi ruang kepada pelajar untuk menyelesaikan masalah
- (b) Eksperimen, tindak balas, analisa dan pengulangan eksperimen. Mengaplikasi maklumat & kemahiran baru
- (c) Aktiviti berdasarkan persekitaran sebenar
- (d) Permainan bahasa
- (e) Pergerakan semasa pembelajaran

- (f) Latihan penyelesaian masalah, analisa & pemikiran individu, perbualan secara berpasangan atau berkumpulan
- (g) Pengajaran & pemantauan kerjasama berkumpulan
- (h) Aktiviti membina kemahiran
- (i) Menghubungkan antara pembelajaran baru & lama
- (j) Mampu memindahkan maklumat kepada pelajar lain
- (k) Mengaplikasi secara langsung

Cadangan aktiviti:

Pelajar menyampaikan pengetahuan yang sedia ada, 'Kerusi panas', laman web, sidang akhbar, *Tamthiliyyat* (teater), kompas dan nasyid.

#### 4. Bersepadu

Peringkat ini bertujuan membantu pelajar mengaplikasi kemahiran atau pengetahuan yang dipelajari berdasarkan keadaan semasa dan memperluaskan kesedaran mereka. Mengukuhkan pembelajaran serta menambah baik proses P&P secara berterusan. Ini semua dapat dicapai melalui:

- a) Pelaksanaan P&P yang realiti secara langsung
- b) Menggubal dan melaksanakan perancangan P&P
- c) Aktiviti pengukuhan dan pemantauan
- d) Bahan pengukuhan yang berkaitan dengan aktiviti pembelajaran
- e) Latihan secara berterusan
- f) Menilai pelaksanaan dan respon pelajar
- g) Aktiviti berpasukan

Cadangan aktiviti:

Perkelahan bahasa, Pembimbing Rakan Sebaya, 'Makhluk asing', kuiz (Ujian Mengejut), rakaman video, peti soalan dan fotografi.

#### TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau aplikasi teknik pembelajaran pantas (AL) oleh pensyarah dan persepsi pelajar terhadap teknik pembelajaran pantas yang dilaksanakan oleh pensyarah bahasa Arab di KUIS.

#### METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian campuran kuantitatif dan kualitatif yang menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual kerana menurut Creswell (2005) ia adalah baik kerana data kuantitatif digunakan bagi menggeneralisasikan dapatan kajian kepada keseluruhan populasi dan data kualitatif pula menerangkan secara terperinci permasalahan kajian. Sampel kajian ini ialah seramai 114 orang pelajar yang sedang mengambil subjek bahasa Arab di KUIS. Daripada jumlah sampel ini, hanya 100 orang pelajar yang menjawab soal selidik manakala 14 orangpelajar lagi di temu bual. Setelah melalui kajian rintis, item untuk soal

selidik ini hanya terdiri daripada 5 soalan dan setiap item itu telah diperincikan lagi menjadi soalan kepada temu bual pelajar.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### *Analisis Kuantitatif*

Bagi analisis soal selidik untuk melihat tahap skor min item pembelajaran pantas, data telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Nilai min yang diperoleh ditafsirkan menggunakan cara interpretasi yang dicadangkan oleh Alias Baba (1999) seperti berikut:

Jadual 1 Interpretasi Skor Purata Ke dalam 5 tahap (Skala likert 5)

<b>Julat</b>	<b>Tahap Skor Min</b>
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Alias Baba (1999)

Jadual 2 menunjukkan dapatan keseluruhan peratusan jawapan daripada responden. Bagi item “*Pensyarah saya bertindak sebagai pemudah cara semasa mengajar bahasa Arab*”, 2% responden menjawab sangat tidak setuju, 1% responden menjawab tidak setuju, 15% responden menjawab kurang setuju, 58% responden menjawab setuju dan 24% responden menjawab sangat setuju.

Bagi item “*pensyarah saya melaksanakan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan (permainan, mewarna, lakonan dan nyanyian)*”, 14% responden menjawab sangat tidak setuju, 17% responden menjawab tidak setuju, 36% responden menjawab kurang setuju, 29% responden menjawab setuju dan 4% responden menjawab sangat setuju. Item “*pensyarah saya sentiasa mengajak pelajar berfikiran kreatif semasa belajar*” pula, 2% responden menjawab sangat tidak setuju, 7% responden menjawab tidak setuju, 24% responden menjawab kurang setuju, 50% responden menjawab setuju dan 17% responden menjawab sangat setuju.

Item seterusnya ialah “*Pensyarah saya mencipta sendiri suasana pembelajaran bahasa berdasarkan situasi sebenar*”, 3% responden menjawab sangat tidak setuju, 3% responden menjawab tidak setuju, 21% responden menjawab kurang setuju, 54% responden menjawab setuju dan 19% responden menjawab sangat setuju. Manakala item yang terakhir iaitu “*Pensyarah saya memberi ruang aktiviti berkumpulan semasa mempelajari bahasa dengan pemantauan*”, 4% responden menjawab sangat tidak setuju, 8% responden menjawab tidak setuju, 16% responden menjawab kurang setuju, 50% responden menjawab setuju dan 22% responden menjawab sangat setuju.

Jadual 2 Taburan peratusan teknik pembelajaran pantas

No	Item	STS	TS	KS	S	SS
1	Pensyarah saya bertindak sebagai pemudah cara semasa mengajar Bahasa Arab.	2%	1%	15%	58%	24%
2	Pensyarah saya melaksanakan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan (permainan, mewarna, lakonan dan nyanyian).	14%	17%	36%	29%	4%
3	Pensyarah saya sentiasa mengajak pelajar berfikiran kreatif semasa belajar.	2%	7%	24%	50%	17%
4	Pensyarah saya mencipta sendiri suasana pembelajaran bahasa berdasarkan situasi sebenar.	3%	3%	21%	54%	19%
5	Pensyarah saya memberi ruang aktiviti berkumpulan semasa mempelajari bahasa dengan pemantauan.	4%	8%	16%	50%	22%

Jadual 3 pula menunjukkan min dan tahap interpretasi bagi setiap item teknik pembelajaran pantas. Walaupun semua item ini berada pada tahap yang tinggi dan sederhana, namun dapatan menunjukkan pensyarah kurang melaksanakan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan seperti permainan, mewarna, lakonan dan nyanyian semasa aktiviti P&P dijalankan. Justeru, pensyarah perlu lebih kreatif dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dengan mempelbagaikan aktiviti di dalam kelas.

Jadual 3 Min dan interpretasi teknik pembelajaran pantas

No	Item	Min	Interpretasi
1	Pensyarah saya bertindak sebagai pemudah cara semasa mengajar Bahasa Arab.	4.01	Tinggi
2	Pensyarah saya melaksanakan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan (permainan, mewarna, lakonan dan nyanyian).	2.92	Sederhana
3	Pensyarah saya sentiasa mengajak pelajar berfikiran kreatif semasa belajar.	3.73	Tinggi
4	Pensyarah saya mencipta sendiri suasana pembelajaran bahasa berdasarkan situasi sebenar.	3.83	Tinggi
5	Pensyarah saya memberi ruang aktiviti berkumpulan semasa mempelajari bahasa dengan pemantauan.	3.78	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.65</b>	<b>Tinggi</b>



### *Analisis Kualitatif*

Analisis kualitatif ini hanya melibatkan 14 orang responden yang telah ditemu bual. Melalui temu bual, pelajar merasakan pensyarah mereka telah bertindak sebagai pemudah cara semasa mengajar bahasa Arab seperti yang mereka nyatakan di bawah ini:

*“Pensyarah memberi tunjuk ajar dengan memberikan formula yang mudah. Pensyarah selalu mendekati pelajar dan menggalakkan pelajar bertanya apa yang tidak difahami, disamping membenarkan pelajar beraktiviti sendiri..(RP01)”*

*“Alhamdulillah, pensyarah sangat bersabar untuk mengajar semula kami sekiranya ada antara kami yang kurang faham. Pensyarah juga memberikan contoh yang terbaik untuk kami faham.. (RP12)”*

Bagi soalan kedua iaitu antara aktiviti-aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dilakukan oleh pensyarah ketika mempelajari bahasa Arab, pelajar menjelaskan bahawa:

*“..setiap kali kelas berlangsung, pensyarah bagi teks perbualan supaya tatih berbahasa. Selain tu, pensyarah juga selalu melakukan aktiviti permainan macam berlagu, kotak beracun, one drop money...(RP5)”*

*“.. belajar dengan aktiviti berkumpulan dengan menggunakan komunikasi dalam bahasa Arab.. (RP3)”*

*“Pensyarah selalu melakukan aktiviti permainan bahasa Arab, contohnya tiup belon bagi pecah, kemudian jawab soalan, lepas tu permainan tutup mata sambil cari siapa yang kena, kerusi beracun, kotak beracun, goreng pisang, nenek-nenek bongkok tiga, baling anak panah pada belon, teka silang kata, minum air gas dan makanan, pelaburan wang.. (RP1)”*

Manakala pensyarah mengajak pelajar berfikiran kreatif mempelajari bahasa Arab melalui cara:

*“... memikirkan sesuatu benda yang boleh memberi banyak makna dalam satu kalimah atau perkataan..(RP10)”*

*“..mengadakan dua sesi pembelajaran iaitu guru dalam seminggu yang mana menjadikan pelajar kreatif untuk mengajar kawan-kawan.. (RP12)”*

*“Pensyarah kami akan bercakap bahasa Arab secara spontan dengan disertai unsur lawak didalamnya, memberi contoh-contoh ayat yang mudah tetapi kreatif..(RP4)”*

*“..memberi kami sedikit ruang dan masa untuk berfikir. Jika terdapat seseorang pelajar mahu mengemukakan idea, pensyarah akan*

*mendahulukannya tanpa memaksa yang lain menjawabnya terlebih dahulu..(RP8)”*

Situasi pembelajaran bahasa Arab yang pelajar gemari ketika mempelajari bahasa Arab ialah:

*“..permainan dalam kelas yang tidak membebankan pelajar dengan assignment dan presentation di luar kelas.. (RP12)”*

*“..yang menyeronokkan. Tak tertekan. Menggalakkan semua pelajar ambil bahagian. Hubungan dua hala antara guru dan pelajar..(RP1)”*

*“Aktiviti dalam kumpulan, pembentangan berserta permainan yang menarik seperti nenek-nenek si bongkok tiga, dat, snack drop, tiup belon dan lain-lain..(RP11)”*

Soalan yang terakhir iaitu kelebihan yang pelajar perolehi hasil daripada aktiviti berkumpul dijalankan oleh pensyarah ketika mempelajari bahasa Arab ialah:

*“..idea lebih banyak dan kreatif, kerja dapat disiapkan dengan cepat..(RP4)”*

*“Saya dapat idea-idea bahasa Arab yang baru, dapat mengetahui ayat-ayat bahasa Arab yang baru. Selain itu dapat memupuk semangat bekerjasama, bertolak ansur, bersabar selain meyeronokkan..(RP8)”*

*“..dapat berkongsi maklumat bersama kawan-kawan, mewujudkan suasana pembelajaran yang santai..(RP9)”*

*“..dapat difahami dengan baik dan mudah tanpa mempunyai perasaan yang stress semasa belajar..(RP10)”*

## **KESIMPULAN**

Kajian ini mempunyai beberapa implikasi terhadap pembelajaran bahasa Arab di KUIS. Kajian yang dijalankan menunjukkan pensyarah telah menggunakan teknik pembelajaran pantas ini kepada pelajar ketika mengajar di dalam kelas. Namun demikian, penggunaan teknik pembelajaran pantas oleh pensyarah di KUIS harus dipertingkatkan lagi seiring dengan kepantasan perkembangan bahasa Arab itu sendiri. Pensyarah perlu lebih kreatif untuk mewujudkan suasana pembelajaran bahasa Arab yang lebih mudah dan menarik di dalam kelas.

Peningkatan dalam penggunaan strategi ini dijangka dapat membantu pelajar dalam menguasai kemahiran bahasa Arab seterusnya dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka. Oleh itu, penggunaan teknik pembelajaran pantas ini akan menyediakan peluang yang lebih baik untuk pelajar menguasai bahasa Arab kerana setiap pelajar mempunyai kemampuan yang pelbagai. Disamping itu, sikap pelajar terhadap bahasa Arab perlu diubah agar mereka bukan hanya sekadar menganggap ia sebagai subjek yang perlu lulus. Pelajar perlu bersikap positif dengan berusaha untuk menguasai sebaik mungkin bahasa Arab.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad. 2007. Masalah Komunikasi Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Bacekor Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam Ke-4 2007*.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Zawawi Ismail & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2002. Peranan persekitaran bahasa Arab terhadap kemahiran Bahasa Arab Komunikasi. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 1*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamarul Shukri Mat The & Mohamed Amin Embi. (2009). Strategi memori dan kognitif: Penggunaannya dalam pembelajaran bahasa Arab. Di capai pada 2 Disember 2014. <http://web.usm.my/education/MEDC/Vol3/7.%20Strategi%20Memori%20&%20Kognitif.pdf>
- Khairuzaman Kadir, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Khazri Osman, Ummu Hani Hashim & Nur Syazwina Mustapa. (2009). Keberkesanan kem bahasa Arab dalam meningkatkan tahap motivasi dan keyakinan pelajar. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*. M/S 116-129.
- Meier, Dave. 2010. “*Al-Taallum Al-Sarii*’ ”. Terj. Ali Muhammad. Damsyik : Illaf Train. Dar Al-Qayyimah.
- Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Mohd Alwee Bin Yusoff. (2009). Motivasi, pembelajaran pengaturan sendiri dan prestasi akademik: Satu kajian di kalangan pelajar asasi pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri. *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 4. M/S 1 – 16.
- Rahimi, Zawawi & Wan Nordin. (2005). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berasaskan web. Dicapai pada 2 Disember 2014. <http://www.ipbl.edu.my/BM/penyelidikan/seminarpapers/2005/rahimiUM.pdf>
- Rusydi Ahmad Ta'imah. *Al-Marji' Fi T'lim al-Lughahal-Arabiyyah Li Al-Natiqiin bi Lughatin Ukhra*. Jilid2: Jami'ah Ummul Qura: Maa'had al-Lughah al-Arabiyyah.
- Rusydi Ahmad Ta'imah. 1985. *Dalil 'Amal fi I'dad al-Mawaad al-Ta'limiyyah li Baramij Ta'lim al-Arabiyyah*.